

TEKS UCAPAN
LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
REKTOR KUKUM
BERSEMPENA DENGAN LAWATAN KERJA KETUA
SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
PADA 22 MEI 2006 BERTEMPAT DI DEWAN KAPITOL,
KANGAR, PERLIS.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam
Sejahtera.

Yang Berbahagia Dato' Dr. Zulkefli A. Hassan, Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Yang Berbahagia Datin,

Yang Berbahagia Datuk Prof. Dr. Yusof Kassim, Timbalan Ketua
Pengarah Sektor Pengurusan IPTA,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Rektor
KUKUM (Akademik Dan Pengantarabangsaan)

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal Timbalan
Rektor KUKUM (Penyelidikan Dan Inovasi)

Pegawai-Pegawai Utama KUKUM

Dekan-Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan dan warga KUKUM
sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang Maha Pemurah memanjangkan usia, mengurniakan kesempurnaan akal, menganugerahkan kesihatan jasad dan memberikan keupayaan hingga membolehkan kita semua sekali lagi berhimpun dan bertemu dalam majlis pada petang ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada Yang Berbahagia Dato' Dr. Zulkefli A. Hassan ke KUKUM. Adalah menjadi harapan saya agar pertemuan pada petang ini akan merintis kepada suatu perhubungan yang lebih erat di masa akan datang.

Jutaan terima kasih, syabas dan tahniah diucapkan kepada ahli jawatankuasa kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis pada petang ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda semua amat saya hargai.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Tarikh 25 Julai 2001, adalah tarikh yang mempunyai makna tersendiri dalam lipatan sejarah. Kerana pada tarikh inilah Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah ditubuhkan sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-17. Penubuhan KUKUM yang bertujuan untuk melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi dan menyokong pelan perindustrian negara, selain memberi alternatif kepada pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara praktis. bidang keutamaan, 'niche area' KUKUM adalah kejuruteraan berasaskan elektronik dan bidang kejuruteraan serta teknologi lain yang berkaitan dengannya dan menyokong industri elektronik.

Aktiviti dan pembangunan kurikulum, pembangunan fizikal dan pengambilan kakitangan bermula selepas perlantikan Rektor dan Timbalan Rektor pada 16 Februari 2002. Pada 2 Mei 2002 KUKUM mula beroperasi di kampus sementara di Kubang Gajah, Arau, Perlis dan telah menerima pelajar sulung bagi sesi akademik 2002/2003 seramai 110 orang pada 20 Jun 2002.

Pembelajaran yang dilaksanakan di KUKUM adalah secara 'hands-on' bagi menghasilkan jurutera yang berkebolehan dalam merekabentuk, membuat peralatan, menguji dan menyelenggara

serta mengaplikasi sebarang konsep teori. Program akademik adalah berasaskan 60% pengajaran dalam bentuk praktikal dan 40% dalam bentuk pengajaran teori.

KUKUM beroperasi di serata lokasi di negeri Perlis ini. Konsep kampus yang bersifat bertaburan atau 'distributed campus' ini mungkin masih baru di Malaysia tetapi ia telah lama dipraktikkan di universiti terkenal luar negara seperti di Universiti Cambridge, England. Konsep sebegini memberi kelebihan kepada para pelajar untuk lebih berinteraksi dengan penduduk setempat selain mendedahkan mereka kepada persekitaran dan isu-isu domestik dan juga memberi impak kepada pembangunan sosioekonomi penduduk setempat.

KUKUM beroperasi di bangunan KWSP yang menempatkan jabatan cancellori, jabatan pendaftar, jabatan bendahari dan perpustakaan serta makmal. Di Kubang Gajah, Arau menempatkan bangunan pentadbiran, pusat-pusat pengajian, bilik kuliah, makmal, pusat ICT dan bahagian hal ehwal pelajar, manakala di Taman Aman, Kangar dan Kampung Wai, Kuala Perlis pula menempatkan kolej kediaman pelajar. Di Kuala Perlis juga terdapat pusat kejuruteraan dan pusat

kerjasama industri (CIC). Bagi pusat-pusat pengajian pula KUKUM beroperasi sepenuhnya di Jejawi.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

KUKUM kini mempunyai 2,113 orang mahasiswa yang mendaftar dalam 12 program akademik peringkat Sarjana Muda dan Sarjana. Pada bulan Jun ini, bilangan program akademik peringkat Sarjana Muda akan meningkat kepada 15 iaitu dengan penambahan tiga program baru iaitu Kejuruteraan Elektronik Bioperubatan, Kejuruteraan Bioproses dan Kejuruteraan Alam Sekitar. Malah KUKUM juga akan menawarkan enam program akademik peringkat Diploma mulai Jun tahun ini juga. Ini bermakna dalam beberapa bulan lagi kita akan mempunyai 21 program akademik peringkat Sarjana Muda dan Diploma yang ditawarkan melalui lapan pusat pengajian.

Bagi membangunkan universiti, KUKUM didokong oleh staf seramai 421 orang yang terdiri daripada 204 orang staf akademik, staf bukan akademik seramai 190 orang dan staf teknikal (akademik) seramai 27 orang. Malah, pendidikan KUKUM turut dibantu oleh 23 orang staf antarabangsa yang didatangkan dari Indonesia, India, United

Kingdom, Bangladesh, Myanmar dan Australia. Hasil kerja serta sumbangan mereka bukan sahaja memberangsangkan malah telah memberikan impak yang besar kepada pembangunan universiti ini. Selain pensyarah, kita mempunyai juga beberapa orang mahasiswa ijazah tinggi dari luar negara. Pengambilan mahasiswa antarabangsa, pada dasarnya, bertujuan mengisi agenda pengantarabangsaan Universiti dalam usaha ke arah menjadikan universiti yang bertaraf dunia.

Dalam usaha menjadi universiti yang bertaraf dunia KUKUM telah menandatangani MOU dengan beberapa buah universiti baik di peringkat tempatan mahupun luar negara. Hubungan kerjasama ini diwujudkan bagi membolehkan pertukaran idea, penyelidikan dan pembangunan dapat dijalankan bersama untuk meningkatkan kualiti pendidikan itu sendiri.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Kekuatan akademik sesebuah universiti banyak bergantung kepada input yang datangnya daripada penyelidikan. Pengajaran-pembelajaran bersandarkan pada kekuatan penyelidikan bukan sahaja dapat menjamin kualiti kandungan akademik yang

disampaikan kepada pelajar bahkan dapat menjamin sumbangan yang lebih bermakna kepada masyarakat dan negara.

Pada tahun 2003, sebanyak 13 geran penyelidikan yang bernilai lebih RM 215,000 telah diperuntukkan untuk tujuan penyelidikan jangka pendek dan fundamental. Pada tahun 2005 telah berlaku peningkatan mendadak dengan 33 permohonan yang bernilai lebih RM600,000 telah diluluskan untuk tujuan penyelidikan jangka pendek dan fundamental. Malah, aktiviti penyelidikan KUKUM dirancakkan lagi dengan tiga permohonan geran IRPA yang diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang keseluruhannya bernilai RM 2, 141,133 kepada tiga penyelidik KUKUM.

Selain itu, KUKUM turut menyusun struktur penyelidikannya secara inovatif dengan menubuhkan 7 buah 'kluster' penyelidikan, iaitu kumpulan-kumpulan penyelidikan yang berfokus dan memberikan keutamaan penyelidikan kepada beberapa buah bidang yang strategik, atau 'niche areas'. Tujuh kluster ini terdiri dari kluster 'sustainable engineering', 'microelectronic', 'nanotechnology', 'sensor technology & application', 'autonomous systems & machine vision',

‘electrical machine design’, ‘acoustic application’ dan ‘embedded computing’.

Struktur baru pentadbiran penyelidikan ini merupakan pelantar atau medium di mana gabungan kepakaran staf dari pelbagai pusat pengajian dan disiplin kejuruteraan dapat direalisasikan. Ianya selaras dengan trend teknologi pada hari ini, yang mana tugas-tugas kejuruteraan moden kini merentasi pelbagai bidang. Sempadan antara bidang semakin kabur dan semua jurutera dari latar belakang yang berlainan bekerjasama untuk mencapai sesebuah objektiv yang sepunya.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Hasil penyelidikan KUKUM telah banyak menempa kejayaan dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan juga kebangsaan. Sebagai bukti, lihatlah kejayaan kita pada hari ini. Penyertaan sulung di peringkat antarabangsa di pertandingan Geneva 34th International Exhibition Of Inventions, New Techniques And Products 2006, di Geneva Palexpo, Switzerland pada 5 hingga 9 April 2006 telah menggondol satu pingat emas bagi produk KUKUM Artificial Marble dan dua pingat perak yang mana kita hanya

menghantar empat produk sahaja. Kita turut berbangga dengan pencapaian di pertandingan ITEX 2006 yang berlangsung pada 19-21 Mei 2006. Kita telah memenangi 16 pingat iaitu 1 emas, 6 perak dan 9 gangsa dan kita turut memenangi Merit Award di pertandingan tersebut.

Kita turut berbangga dengan kejayaan memenangi Anugerah Idea Terbaik di pertandingan Robocon 2006 yang berlangsung baru-baru ini. Semasa Ekspo Penyelidikan & Pembangunan IPT anjuran Kementerian Pengajian Tinggi, dan juga semasa ITEX tahun lepas, kita telah merangkul beberapa banyak pingat emas, perak dan gangsa. KUKUM telah muncul sebagai pemenang tempat ketiga dalam Anugerah Perdana Teknologi Maklumat 2004 anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu). Syabas saya ucapkan kepada barisan penyelidik kita!

Kejayaan KUKUM ini menjadi bukti bahawa kita sudah berjaya merempuh sempadan negeri dan sempadan umur, dan mungkin juga telah meletakkan diri kita setanding dengan universiti-universiti lain di Malaysia yang umurnya lebih tua daripada kita. Ini ialah langkah pertama KUKUM umpama:

Bunga melur kembang sekaki
Mari dibungkus dengan kertas
Didalam telur lagi di nanti
Inikan pula sudah menetas

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Dalam memastikan KUKUM mampu bersaing dengan mana-mana universiti di Malaysia mahupun di luar negara, pelbagai kemudahan telah disediakan baik untuk pelajar mahupun staf KUKUM. Kemudahan-kemudahan makmal seperti Makmal Fabrikasi Mikroelektronik (Cleanroom), Makmal Kejuruteraan Bahan, Makmal Kejuruteraan Pembuatan, Makmal CAD/CAM dan lain-lain di samping Kolej Kediaman yang lengkap dengan internet, penyediaan pegangkutan pelajar dari kolej ke dewan kuliah. Kita ada IUS-Perpustakaan yang canggih yang mana para pelajar tidak lagi perlu beratur untuk meminjam buku dan kemudahan Portal E-Learning serta K-Kedatangan. Apa yang penting kemudahan ICT merupakan *strategic tool* kepada KUKUM untuk memintas masa dan berada setaraf dengan IPTA-IPTA lain.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Kerja-kerja pembangunan Kampus Tetap fasa 1A telahpun bermula pada awal tahun 2006. Kampus tetap yang terletak di Ulu Pauh, Arau mempunyai keluasan 1050 ekar dan juga di Sungai Chuchuh, Padang Besar dengan keluasan 300 ekar yang terletak di kawasan yang strategik iaitu berada di dalam lingkungan kawasan yang pesat membangun seperti Kangar, Arau, Padang Besar, Kuala Perlis serta Changlun dan Bukit Kayu Hitam, Kedah. Kawasan ini telahpun mempunyai kemudahan infrastruktur yang utama iaitu jaringan lebuh raya antara Kuala Perlis ke Changlun, Lebuh raya Utara-Selatan (PLUS) di samping lebuh raya ke Padang Besar yang akan dibina dalam masa terdekat.

Kedua-dua tapak kampus ini akan dilengkapi dengan prasarana moden dan terkini dengan mengekalkan keindahan flora dan fauna alam semulajadi bagi menjadikan kampus ini sebagai Kampus Alam. Upacara Perasmian Pecah Tanah bagi Kampus telah telah diadakan pada 2 Jun 2003 yang disempurnakan oleh Y.A.B. Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, yang pada masa tersebut adalah Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Dalam merencanakan pembangunan KUKUM serta kampus tetap, KUKUM telah memberi peluang yang seimbang kepada pihak-pihak

yang berkemampuan untuk menjalankan tanggungjawab untuk membangunkan kampus bagi tempoh yang telah ditetapkan oleh universiti. Misalnya Beau Furn Sdn. Bhd, C.M.D. Construction Sdn. Bhd, K.U.S Industries (M) Sdn. Bhd, Camar Kreatif Sdn. Bhd. yang mana syarikat-syarikat ini datangnya dari pelbagai negeri di Malaysia, tidak hanya tertumpu di negeri Perlis sahaja. Apa yang penting KUKUM sentiasa memberi peluang yang sama kepada semua pihak untuk bersama-sama membangunkan universiti yang kita cintai.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Dengan penyediaan infrastruktur dan pembangunan KUKUM setelah 4 tahun ditubuh, KUKUM memerlukan perbelanjaan yang besar dan digunakan secara efisien. Perbelanjaan KUKUM bagi tahun 2003 ialah RM 60,000,000.00, tahun 2004 sebanyak RM 71,000,000.00, RM 91,593,500.00 bagi tahun 2005 dan tahun 2006 ialah RM 92,036,900.00. Manakala perbelanjaan harta modal bagi tahun 2003 ialah RM 29,705,700.00, tahun 2004 ialah RM 30,000,000.00, tahun 2005 RM 35,644,300.00 dan RM 22,000,000.00 bagi tahun 2006 (hingga 19 Mei 2006).

Bagi perbelanjaan pusat pengajian akademik di KUKUM tahun 2006 ialah RM 18,823,200.00. Manakala jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus KUKUM tahun 2006 ialah RM 92,036,900. Dengan adanya perbelanjaan-perbelanjaan yang diutarakan tadi, KUKUM mampu bangun bagi melahirkan bakal graduan yang berkaliber dalam bidang kejuruteraan. Apa yang penting setiap sen yang diperolehi akan digunakan bagi menjana pemimpin terbilang negara.

Akhir kata, sekali lagi sekalung tahniah kepada semua individu yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi diucapkan kepada barisan tetamu yang sanggup meluangkan masa menghadiri majlis pada petang ini.

Saya sudahi ucapan ini dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.